

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI BAHAWA PINDAAN-PINDAAN TERHADAP AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI SEBENARNYA BOLEH MENGELAK PARA PELAJAR MENJADI SEPERTI ROBOT.

DENGAN PELAJAR-PELAJAR BARU DAPAT DIPISAHKAN DARI DIPENGARUHI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA, PELAJAR-PELAJAR ITU AKAN BEBAS BERFIKIR SENDIRI TANPA DIKONKONG DENGAN SESUATU FIKIRAN SEMPIT. SEBAGAIMANA TERDAPAT DIKALANGAN KEBANYAKAN PELAJAR SEKARANG INI.

DR. MAHATHIR TELAH MENJAWAB TEGURAN-TEGURAN BEBERAPA SENATOR KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) UNTUK MENYEKAT KEGIATAN PELAJAR YANG BOLEH MENGANCAM KETENTERAMAN NEGARA.

RANG UNDANG-UNDANG ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN.

BEBERAPA ORANG SENATOR DALAM PERBAHASAN KELMARIN TELAH MENIMBULKAN KECURIGAAN MEREKA UNDANG-UNDANG KETAT ITU BOLEH MENGHINDAR USAHA MEMUPUK PARA PELAJAR MENJADI PEMIMPIN DI MASA HADAPAN BAHKAN AKAN MENJADIKAN MEREKA SEBAGAI ROBOT SAHAJA.

-BERSAMBUNG 1657/MD

610:

NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA KEBANYAKAN DARIPADA PELAJAR-PELAJAR SEKARANG INILAH YANG TELAH PUN MENJADI SEPERTI ROBOT KERANA TELAH DI +BRAIN WASH+ KAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA HINGGA TIDAK MAHU MENERIMA PENDAPAT-PENDAPAT ORANG LAIN YANG BERTENTANGAN DENGAN PENDIRIAN MEREKA.

FIKIRAN MEREKA SUDAH TERTUTUP SEHINGGA TIDAK LAGI MAHU MENERIMA KENYATAAN DAN TETAP BERPEGANG KEPADA PENDAPAT MEREKA WALAUPUN PENDAPAT ITU SALAH.

+INI TALAH KERANA MEREKA SUDAH JADI ROBOT DAN TIDAK BOLEH BERFIKIR LAGI.+

DALAM SESUATU FORAM DI UNIVERSITI +KITA AKAN HADAPI 500 ROBOT YANG TELAH DIAJAR UNTUK MENGEJI DAN MENGEJEK ORANG YANG TIDAK SETUJU DENGAN PENDAPAT MEREKA DAN MENYORAK ORANG YANG MEMUJI MEREKA.+

BELIAU DENGAN ITU MENOLAK CADANGAN MENGADAKAN DIALOG TERBUKA DENGAN PELAJAR-PELAJAR BUAT MASA INI, UNTUK MENERANGKAN PINDAAN-PINDAAN ITU KERANA DARI PENGALAMANNYA DIALOG SERUPA ITU TIDAK BERFAEDAH.

PELAJAR-PELAJAR YANG MENGHADIRINYA DATANG DENGAN FIKIRAN YANG TERTUTUP TANPA MAHU MENDENGAR PENDAPAT YANG BERLAINAN DENGAN PENDIRIAN MEREKA. -- BERSAMBUNG 1716/LK

613:

NEGARA-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU ADALAH DIANTARA MEREKA YANG LEBIH KERAP MENGHADAPI PELAJAR-PELAJAR DI FORAM-FORAM ATAU PERJUMPAN MEREKA UNTUK BERDIALOG HINGGA SANGGUP DI BOO DAN DIEJEK SEKALI PUN.

+MEREKA ANGGAP FORAM SEPERTI ITU SEBAGAI SATU PERMAINAN UNTUK MENGUNDANG ORANG MENGADAKAN SANDIWARA SEBAGAI SATU CARA HIBURAN UNTUK MEREKA DAN KALAU MENTERI YANG DATANG MEREKA SERONOK SEKALI.+

BELIAU BERKATA ADAT RESAM MELAYU TILAH MESTI MENGHORMATI TETAMU YANG DIUNDANG TETAPI +BAGI PENUNTUT-PENUNTUT KITA MUNGKIN ADAT BEGINI SUDAH LAPUK DAN MERUPAKAN SATU UNSUR FEUDALISMA.+

+MUNGKIN PENDAPAT MEREKA SEKARANG KALAU ADA ORANG YANG DIUNDANG KE RUMAH, MEREKA ITU HARIS DIMAKI,+ KATA DR. MAHATHIR.

BELIAU WALAUBAGAIMANA PUN MENERANGKAN BAHAWA IA TELAH PUN BEBERAPA KALI MENGADAKAN DIALOG DENGAN GOLONGAN-GOLONGAN KECIL PELAJAR.

DENGAN CARA MENGADAKAN KEGIATAN DEMIKIAN ITU BELIAU BERHARAP HUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT DAPAT DIJALINKAN ANTARA PEMERINTAH DENGAN PARA-PELAJAR. -- BERSAMBUNG 1722/LK

619:

NEGARA-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENERANGKAN BAHAWA PINDAAN-PINDAAN ITU DIKAITKAN DENGAN TATA TERTIB UNTUK PENSYARAH-PENSYARAH KERANA TELAH TERDAPAT PENSYARAH MENGGUNAKAN KULIAH UNTUK MENYEBARKAN IDEOLOGI MEREKA DIKALANGAN MAHASISWA.

MALAHAN TELAH TERDAPAT SEORANG PENSYARAH MEMBERI AMARAN IA TIDAK AKAN MELULUSKAN MAHASISWA-MAHASISWA YANG MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN SECARA BERCANGGAH DENGAN IDEOLOGI PENSYARAH ITU.

PENSYARAH DEMIKIAN ITU DIAMBIL UNTUK MEMBERI KULIAH DI UNIVERSITI KERANA KERAJAAN MAHU BERSIKAP LIBERAL TERHADAP PELAJARAN TETAPI PENSYARAH-PENSYARAH SERUPA ITU TELAH MENGGUNAKAN SIKAP LIBERAL KERAJAAN UNTUK MENGEMBANGKAN FANAMAN POLITIK MEREKA MELALUI SYARAHAN DAN PEPERIKSAAN SECARA PAKSA.

INI TILAH SATU PERKARA YANG TIDAK SIHAT DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBENARKAN KEADAAN DEMIKIAN ITU BERLANJUTAN.

"KITA MAHU MEREKA MENJALANKAN TUGAS MEREKA SECARA OBJEKTIF DAN BUKAN MENGGUNAKANNYA SEBAGAI PELUANG UNTUK MENGEMBANGKAN PENGARUH MEREKA DAN MENYEKAT PENDAPAT ORANG LAIN PULA."

DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BAHAWA RANG UNDANG-UNDANG ITU TIDAK TERKENA KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT ITM DAN POLITEKNIK UNGKU OMAR DI IPOH.

KITA MUNGKIN MEMPUNYAI CARA-CARA LAIN UNTUK MENYEKAT KEGIATAN YANG TIDAK DIINGINI ITU TERHADAP PELAJAR-PELAJAR INSTITUSI -INSTITUSI PELAJARAN TINGGI YANG TIDAK TERMAKTUB DALAM AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI ITU, KATANYA.
-BERSAMBUNG 1741/LK

163

MENGENAI CADANGAN DIBETUK AKHLAK PARA PELAJAR MENERUSI AJARAN-AJARAN UGAMA, DR. MAHATHIR BERKATA AJARAN-AJARAN UGAMA MEMANG SUDAH DIADAKAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAHAN DI INSTITIUT TEKNOLOJI KEBANGSAAN. IA MENJADI SATU MATA PELAJARAN YANG WAJIB.

BELIAU WALAUBAGAIMANA PUN TELAH MENGHURAIKAN BAGAIMANA UGAMA TELAH DIGUNAKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU PELAJAR-PELAJAR ITU UNTUK MENGUASAI PEMIKIRAN PELAJAR-PELAJAR LAIN, MISALNYA MELALUI "KULIAH SUBUH".

WAKTU LEPAS SEMBAHYANG SUBUH BUKAN DIGUNAKAN UNTUK MEMBACA DOA TETAPI UNTUK MENGADAKAN SYARAHAN, UNTUK MENGUMPAT DAN MENGATA ORANG SERTA MEMBANGKITKAN PERASAAN DENGKI TERHADAP ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI.

BELIAU TIDAK YAKIN KULIAH SUBUH SEPERTI ITU BOLEH MENDATANGKAN FAEDAH DAN DENGAN ITU TELAH DIBERHENTIKAN.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PELAJARAN UGAMA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI PERLU DIAWASI DAN DITENTUKAN SIAPA YANG AKAN MEMBERINYA. BELIAU MENERANGKAN BAHAWA DUA ORANG PENSYARAH UGAMA DARI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI TELAH PUN DITAHAN BARU-BARU INI.

MENGENAI PEMILIHAN DEKAN, DR. MAHATHIR BERKATA PADA MASA LALU PEMILIHAN ITU TELAH MENJADI SEBAGAI SATU PILIHANRAYA DAN MENIMBULKAN SUASANA BERPOLITIK DALAM PEMILIHAN ITU HINGGA TELAH MEMECAH-BELAHKAN PARA-PENSYARAH.

DENGAN PINDAAN SEKARANG INI DEKAN-DEKAN SESUATU FAKULTI AKAN DILANTIK OLEH NAIB-CANSELOR DAN TIDAK LAGI DIPILIH OLEH PARA-PENSYARAH SESUATU FAKULTI. -- BERSAMBUNG 1751/LK